

**DOKUMENTASI SEJARAH LISAN
WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NAZMIZAN BIN MUHAMMAD,
TOKOH OLAHRAGAWAN NEGARA**

DISEDIAKAN OLEH:

**FARISA AZIRA BINTI ARIFFIN
MOHAMMAD HAFIZ BIN TARMIZI**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
18500 MACHANG, KELANTAN**

JUNE 2013

PENGHARGAAN



Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya memberi kepada kami kesihatan dan kecerdasan fizikal serta mental serta ketabahan yang amat baik untuk menyiapkan tugas kepada kami. Walaupun menempuhi pelbagai cabaran dan dugaan dalam menyempurnakan tugas kami ini, alhamdulillah kami telah berjaya menyiapkan tugas bagi memenuhi **keperluan Sejarah Lisan** untuk **mata pelajaran Documenting Oral Tradisional (IMR 604)**.

Jutaan terima kasih kami rakamkan kepada Encik Nazmizan Bin Muhammad dan isteri, Puan Suhana Binti Abdul Mutalib kerana sudi menerima kunjungan kami ke rumah mereka di No. 3, Lorong Bentara 6, Taman Kechor Indah, 01000, Kangar, Perlis dan memberi kerjasama yang amat baik sepanjang rakaman suara suara diadakan di teratak mereka. Tanpa kerjasama serta keterangan yang amat mendalam mengenai pengalaman memenangi dua pingat emas di Sukan SEA Hanoi, Vietnam daripada Encik Nazmizan Bin Muhammad, tentunya amat sukar sekali bagi pihak kami menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kami.

Selain daripada itu, jutaan terima kasih juga dipanjangkan kepada pensyarah kami iaitu Encik Mohd Idzwan Mohd Salleh kerana begitu sabar dalam memberi tunjuk ajar kepada kami panduan, tips-tips, dan ilmu kepada kami untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Tidak dilupakan juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang banyak memberi semangat dan dorongan kepada kami sepanjang tempoh bermulanya tugas ini diberikan kepada kami sehinggalah tugas ini selesai dijalankan.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata dan Profil Perbadi Tokoh	iv-v
Transkrip Wawancara	1-46
Rujukan (Stail APA)	47
Senarai Soalan Wawancara	48
Log Wawancara	54
Indeks	57-59
Lampiran-lampiran	
• Perjanjian Tokoh	
• Dokumen Berkaitan	
• Gambar Peristiwa / Wawancara	
• CD / DVD Wawancara	

ABSTRAK

Abstrak: Temuramah ini dijalankan antara kami dan Encik Nazmizan Bin Muhammad. Beliau adalah merupakan seorang tokoh dalam sukan olahraga negara. Wawancara ini telah dijalankan di rumah beliau yang beralamat No. 3, Lorong Bentara 6, Taman Kechor Indah, 01000, Kangar, Perlis. Sesi temuramah ini telah dibuat pada 21 April 2013 iaitu pada pukul 11.35 pagi sehingga pukul 12.45 tengahari. Temuramah ini berkisarkan tentang latar belakang dan pengalaman beliau yang telah lama berkecimpung dalam sukan olahraga seawal umur 9 tahun lagi sehingga beliau telah dianugerahkan Darjah Yang Ke 5 Daripada Darjah Kebesaran Yang Mulia Pangkuan Negara iaitu Ahli Mangku Negara. (A.M.N) atas jasa beliau kepada negara dalam sukan pecut. Temuramah ini telah banyak merungkaikan pengalaman beliau dalam sejarah penglibatan dan pengalaman beliau dalam bidang sukan pecut sehingga berjaya mengharumkan nama negara di Sukan SEA ke 22 di Hanoi, Vietnam pada tahun 2003. Wawancara ini banyak merungkaikan maklumat tentang penglibatan awal dan pengalaman beliau. Sekarang beliau telah bersara dalam bidang ini tetapi beliau masih lagi melibatkan diri dalam program-program mencari bakat baru dalam sukan olahraga.

Kata kunci: Nazmizan Bin Muhammad, Sukan SEA 2003, Olahraga, Sukan pecut.

BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1.	Nama Penuh:	Nazmizan Bin Muhammad
2.	Alamat Surat-Menyurat:	No. 3, Lorong Bentara 6, Taman Kechor Indah, 01000, Kangar, Perlis
3.	Kelahiran:	Kampung Durian Mentangau, Dungun, Terengganu
4.	Jantina:	Lelaki
5.	Bangsa:	Melayu
6.	Pendidikan (Rendah, Menengah dan Tinggi):	<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Rendah Kebangsaan Durian Mentangau• Sekolah Menengah Kebangsaan Paka• Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah Kajang• Matrikulasi Perakaunan, UPM• Ijazah Sarjana Muda Sains

		<p>Pembangunan Manusia, UPM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Pentadbiran Perniagaan, UUM
7.	<p>Keluarga (Adik-beradik, Isteri dan Anak):</p>	<p>Adik beradik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nazri Fiasal Muhammad • Nazliza Muhammad • Nozrodi Muhammad • Naznita Muhammad <p>Isteri:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Puan Suhana Abdul Mutalib <p>Anak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Daniya Alesha Nazmizan • Aisy Mifzal Nazmizan
8.	<p>Hobi:</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bola sepak • Olahraga
9.	<p>Kerjaya:</p>	<p>Penolong Pendaftar Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis Kampus Tetap Pauh Putra</p>
10.	<p>Sumbangan:</p>	<p>Sukan SEA Ke 22- Hanoi, Vietnam 2003.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pingat Emas 100 Meter • Pingat Emas 200 Meter

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Encik Nazmizan bin Muhammad yang merupakan bekas pelari pecut dan pemenang pingat emas Sukan SEA Ke 22 Hanoi Vietnam pada tahun 2003. Rakaman ini telah dijalankan di rumah beliau bertarikh 21 April 2013 pada jam 11.35 pagi dan wawancara ini telah dikendalikan oleh Farisa Azira binti Ariffin dan dibantu oleh Mohammad Hafiz bin Tarmizi. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Penunjuk:

FAA - Farisa Azira Ariffin

NM - Nazmizan Muhammad

Bahagian B: Penglibatan Awal Tokoh

RAKAMAN 1

FAA: Assalamualaikum Encik.

NM: Waalaikumusalam Warrahmatullah.

FAA: Terima kasih kerana sudi meluangkan masa sekali lagi bersama kami.

Okay. [Baiklah] “Erm” Untuk soalan seterusnya adalah “aa” mengenai penglibatan awal encik dalam sukan olahraga. Sebelum ini, “erm” maknanya sepanjang hidup encik pernah tak encik terfikir untuk menjadi seorang pelari pecut negara.

NM: “Emm” sebenarnya benda itu memang ada sebab pada usia 9 tahun itu, cikgu saya memang dah tunjuk gambar atlet pecut Kanada Ben Johnson dimana dia memenangi pingat emas di sukan Olimpik Seoul di Korea pada tahun 1988 masa itu memegang rekod terbarunya 9.79 saat, so [jadi] bermula masa itu saya memang inilah, apa cakap dekat cikgu saya, saya nak mewakili negara.

FAA: Okay. [Baiklah] Sebelum encik menceburkan diri dalam bidang sukan, apakah pekerjaan yang encik lakukan.

NM: “Emm” Sebelum dalam bidang sukan ini emm... rasanya saya ini memang totally [sepenuhnya] sukanlah sebab saya dibawah bakat khas olahraga. (Suara Farisa menyebut “erm”) lepas habis SPM saya terus sambung matrik, “so” [jadi] saya punya “life” [kehidupan] pada waktu itu memang belajar dan “training” [latihan] so “training” [latihan] “so” [jadi] kita biasanya duit tu kita dapat imbuhan daripada kemenangan melalui sukan sekolah-sekolah Malaysia ‘emm’ saya menang di SUKMA ke, saya menang di sukan sekolah-sekolah Asia “so” [jadi] kita akan dapat imbuhan “so” [jadi] itu yang boleh kita kategorikan. “So” [Jadi] lepas habis SPM ‘emm’ tapi masa ‘emm’ dalam masa saya bekerja sebagai kerani di Maybank. ‘Emm’ pada 2000, 2000 hingga 2002 tu saya kerja kerani di Maybank, ‘emm’ lepas tu lepas habis SP, ‘eh’ lepas habis “degree” [Ijazah] saya sebagai “emm’ kerja balik Maybank sebagai eksekutif lah di Maybank.

FAA: ‘Emm’ Ok (Baiklah), ‘Emm’ bolehkah tak encik terangkan sedikit, ‘emm’ bagaimanakah encik mula terlibat dalam sukan olahraga dan pada tahun berapakah ketika itu.

NM: ‘Erm’ Penglibatan saya sebenarnya bermula daripada sekolah rendah lagi pada usia 11 eh 9 tahun tu. 9 tahun tu saya dah wakil Sekolah Rendah Kebangsaan Durian Mentangau tu. ‘Erm’ Saya mewakili sekolah peringkat ‘erm’ mewakili sekolah diantara wakil-wakil daerah SK Paka, wakil Paka lah dan semenjak saya punya ‘erm’ kerana pada waktu 11 atau 12 tahun saya dah menang dah pingat, pingat emas dalam acara lompat jauh emm... saya pernah diundi di peringkat daerah ‘erm’ “so” [jadi] saya pun tak tahu macam mana, sedangkan saya pemenang pingat emas dan saya tidak pernah dipilih untuk mewakili daerah Dungun untuk bawah kategori inilah, “so” [jadi] saya rasa kalau saya pergi mungkin saya boleh pingat emas kot sebab waktu saya kecil, saya besar. Saya saiz saya sama besar dengan budak umur 12, 10 tahun ke 11 tahun. “So” [jadi] bila saya naik sekolah menengah itulah, bila saya naik sekolah menengah, “scope” [skop] acara itu lebih banyak, dekat situ lah membuatkan perubahan saya dapat wakil daerah, wakil negeri dan seterusnya saya dapat dimasukkan kedalam sekolah sukan lah.

FAA: “Okay” [Baiklah]. ‘Erm’ dalam kegiatan sukan ini adakah encik mendapat dorongan sesiapa?

NM: ‘Erm’ sukan ni awal-awal itu minatlah. Minat saya memang saya betul-betul sukan. Lepas tu dari segi “family background” [latar

belakang keluarga] abang saya, kakak saya pun, abang saya pun mewakili sekolah juga dalam acara sukan, “so” [jadi] mak ayah memang tiada masalah janji pandai belajar. “So” [Jadi] bila saya belajar sekolah menengah ni, kira Cikgu Roslan dengan Cikgu Syarifah ni banyak membentuk saya punya ni lah karekter saya lah, untuk menjadi seorang atlit lah. Sokongan mak ayah tu memang tak ni lah dari segi beli kasut tu semualah. Cikgu saya pun beli kasut, beli stuff [kelengkapan] apa semua, memang tak ni lah.

FAA: ‘Erm’ tadi encik ada bercerita ‘erm’ mengenai guru encik yang menyedari bakat encik, ‘emm’ jadi selain daripada beliau.

NM: ‘Emm’ masa saya di sekolah menengah ini, ‘erm’ cikgu saya memang tukarkan acara 100 meter ke acara 100 meter berpagar supaya saya dapat mewakili Sekolah Menengah Paka pada waktu itu. Sebab pada waktu itu kuota untuk 100 dan 200 dah ada orang dah ada pihak pemain. ‘So’ [jadi] kerana saya terlalu minat cikgu saya suruh tukar. Dalam masa 2 minggu ja [sahaja] saya- saya “prepare” [sedia] untuk acara 100 meter berpagar tu saya terus dapat menang pingat di Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah Dungun lah. “So” [jadi] pada waktu itu cikgu saya ni dia ‘erm’ memang mengharapkan lah saya dapat sebenarnya dapat buat semua itu lah. Dia tengok saya ni komitmen pergi latihan maknanya susah lah maknanya sebelum pukul 5 pun saya dah sampai dah. Maknanya saya betul-betul komi...komited lah.

FAA: “Okay” [Baiklah], ‘Erm’ tadi encik cakap cikgu encik kata ‘erm’ dalam bidang sukan berpagar.

NM: ‘Aha’. Seratus 100 meter berpagar.

FAA: 100 meter berpagar ‘erm’ yang membawa encik kepada sukan pecut?

NM: ‘Erm’.. Sukan pecut “Okay” [baiklah], lepas saya acara 100 meter berpagar 400 dan 400 berpagar itu, itulah acara saya membuatkan saya boleh mewakili dalam pada waktu itu. Saya pergi ke sekolah emm... sukan, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia di Johor dan disitu emm... cikgu Man Sahar iaitu cikgu dibawah bakat khas olahraga ‘erm’ dimana pada waktu itu majlis sukan negara akan hantar jurulatih-jurulatih untuk mencari bakat atlit-atlit yang berpotensi untuk dimasukkan ke sekolah bakat khas olahraga. “So” [jadi] saya merupakan salah satunya salah seorang ‘eh’ salah satu salah seorang atlit dan saya isilah biodata atlit, alamat sekolah apa semua kan. “So” [jadi] saya mendapat tawaran lah masuk ke sekolah di sekolah bakat khas olahraga di SAAS Kajang “so” [jadi] bermula pada situlah saya dimasukkan juga kedalam acara lompat bergalah selepas kat situ saya ‘erm’ saya macam saya cakap tadi ‘erm’ saya pergi lari pada 100 meter kan, ‘aaa’, kat situlah bermula titik perubahan saya daripada acara lompat bergalah, 100 meter berpagar empat 400 meter berpagar, 400 meter ke acara 100 meter.

FAA: Kalau encik ingat pada tahun berapakah itu?

NM: 'Erm', saya tukar ke acara itu pada tahun 1997, saya rasa dalam bulan 9 ke bulan 10 baru saya betul-betul tukar ke acara pecut.

FAA: 'Erm', okay [baiklah] dalam 'erm', semasa encik bergiat dalam sukan ini biasanya dimanakah encik melakukan latihan?

NM: Biasanya di peringkat sekolah di Sekolah Menengah Paka dahulu saya berlatih di padang lah, di padang rumput dan dalam pada masa yang sama di pantailah sebab kebetulan sekolah saya berdekatan dengan pantai. 'Erm', "so" [jadi] dekat dengan pantai lepas tu bila saya dah naik ke sekolah bakat khas olahraga di SAAS Kajang, emm... saya SAAS Kajang tu saya "training" [latihan] pun di sekolah tu sendiri ada trek 'erm' dalam trek pun dalam 120 meter, "so" [jadi] lepas tu kadang-kadang kita ke Kompleks Sukan Bangi Permata dan inilah trek MSN.Majlis Sukan Negara

FAA: 'Erm', biasanya di trek tersebut jauh tak? Macam mana encik pergi?

NM: 'Erm', Kalau macam dulu di sekolah bakat khas olahraga ada van, "coach" [jurulatih] datang ambil. "Coach" [jurulatih] datang ambil (Suara Farisa menyebut Oh..datang ambil)' erm', "so" [Jadi] bila saya lepas habis sekolah tu 'erm' lepas habis sekolah bila dapat pergi Universiti Putra Malaysia sama juga (suara kanak-kanak menjerit)van akan datang ambil, van akan datang ambil lah awal-awal, untuk kemudahan senang pergi. Selepas itu, saya beli motor lah untuk

kemudahan senang pergi latihanlah. “Start” [bermula] pada itu saya lebih mudah pergi sendiri lah senang.

FAA: “Okay” [Baiklah] ‘Erm’ masa encik menjalani latihan biasanya encik melakukan latihan itu secara individu atau berkumpulan?

NM: ‘Erm’ Biasanya kita praktis berkumpulan lah sebab kita mesti ada “_ partner” [_ pasangan] baru kita boleh tengok mana kita punya kelemahan jadi kita boleh tengok kelemahan kita “at least” [sekurang-kurangnya] ada partner lah untuk buat sesuatu “excercise” [latihan] tu.

FAA: Erm, siapakah rakan seperjuangan encik?

NM: Rakan seperjuangan pada waktu itu ramai termasuk Tan Kok Lim, Kamarulzaman, Hafeez Hazreq, Syafiq, emm... Siapa lagi masa tu ‘Aaa’, Shamsuri ‘erm’ Nazrul Nordin ‘aa’ ramailah. “So” [jadi] semua Alhamdulillah lah kawan-kawan semua ‘erm’, ada yang kerja jadi apa, pramugara pun ada. Kira Alhamdullilah la, rakan-rakan semua sekarang ada yang sama juga pergi ke bidang jurulatih

FAA: Oh. “Okay” [Baiklah], pada tahun tersebut pada zaman era encik inilah dalam sukan ini siapakah yang menjadi jurulatih encik?

NM: ‘Erm’ jurulatih saya daripada peringkat sekolah, sekolah rendah ni cikgu saya ada mula-mula itu Cikgu Rahim. Cikgu Rahim yang tunjuk saya gambar Ben Johnson tu. Lepas tu, “start” [mula] pada lepas tu cikgu, Cikgu Asmah. Cikgu Asmah ni dia sekejap ja lepas tu dia berpindah. ‘Erm’, bila saya naik ke sekolah menengah, Cikgu Syarifah dan Cikgu Roslan lah, “so” [jadi] bila saya ke sekolah sukan bakat

khas olahraga tu awal-awal lompat bergalah kiranya Cikgu Grenady jugak. Lepas tu... lepas tu ke acara pecut. 'Erm', kiranya Grenady Jubrikov, emm... lepas masa SEA Games 2003 tu saya tukar "coach [jurulatih] lah saya "training" [latihan] dengan 'erm' dengan Alex Shaha. 'Aaa' dengan Alex Shaha 'aaa' dan "local coach" [jurulatih tempatan] yang saya berlatih 'erm' "coach" [jurulatih] Halim Rashid lah. emm...Halim Rashid dan pada tahun 2002 itu "coach" [jurulatih] Chan Ka Yu lah aa... banyak lagi, tapi yang "start" [mula] yang membuat saya lebih matang lebih jitu "start" [mula] saya "training" [latihan] dengan "coach" [jurulatih] Chan Ka Yu jadi dengan "coach" [jurulatih] ini dia banyak ajar saya macam mana nak "develop" [membangunkan] kita punya "self confident" [keyakinan diri] lepas tu teknik-teknik berlari macam tulah.

FAA: Oh, "Okay" [baiklah], 'erm'. semasa encik dibawah latihan dengan jurulatih ini, apakah jenis latihan yang biasanya encik jalani?

NM: Erm... kita, dia "depend" [bergantung] kepada jurulatih tulah kalau haritu dia kata nak buat "speed" [pecutan] (suara kanak-kanak menangis) "so" [jadi] kita akan buat "speed" [pecutan] lah. Biasanya "speed" [pecutan] ni kita akan buat 30 meter, 60 meter aaa... 120 meter atau 80 meter lah, "so" [jadi] biasanya bila kita nak buat "speed endurance" biasanya kita buat 300 meter, "erm" 150 meter macam tu lah. Kalau ada kita buat "back to back" "so" [jadi] kalau kita nak buat "strength" [kekuatan] kita akan masuk gim lah. Kita akan buat "smooth", "twice", "half squad", "two squad", "Rip Curve", 'erm'... lepas tu, "hamstring", "solid cool down" kira banyak yang kalau untuk

“strength” [kekuatan] aktiviti dekat gim lah dalam masa yang sama kita ada buat untuk “box jump”, “hurder jump”, “bounding”, yang itu untuk “entry jump” [lompat masuk] , banyaklah kiranya “exercises-exercises” [latihan-latihan] explosive [letupan] semua tu, kita akan buat “box jump”, “hurder jump”, “explosive”.

FAA: “Explosive” [Letupan] tu?

NM: “Explosive” [letupan] tu macam, sebab kita “sprinter” [pelari pecut], kita acara yang “Pap! Pap!” kan. “So” [jadi] bila kita keluar blok pun kita mesti agresif lah, tak ada keluar blok “slow-slow” [perlahan] kan. Kita “bamm”! bunyi pistol tu kan, “purr” [pecut]. Dalam berapa “second” [saat] dah habis dah. Macam tu lah. Dia tak ada lembut-lembut. Macam bila kita biasa box jump la. Kita lompat, badan kita ada macam “Pap! Pap! Pap! Pap!” Ha, cepat la. “Explosive” [letupan] tu kira cepat la.

FAA: Yang tu dekat Gim?

NM: Dalam gim pun kita buat, dekat luar pun kita buat.

FAA: Oh. Okay Okay. [Okey okey]. Dalam seminggu, berapa kerapkah bilangan latihan yang encik jalani.

NM: Dalam seminggu tu, tolak hari ahad sahajalah. Ha. hari ahad sahaja. Hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat, Sabtu.” Direct”. [Terus].

FAA: “Erm.” Biasanya hari Ahad tu encik buat apa?

NM: Aa.. Hari Ahad tu kita biasanya tidurlah. Ha. Tidur. Paling paling nak beli barang-barang sikitlah. Sebab saya ni, pada masa tu saya tak adalah macam nak pergi jalan KLCC ke. Kalau pergi mesti ada tujuanlah. Pergi nak beli kasut ke. Atau kita nak beli berus gigi ke, ubat gigi ke, sabun mandi yang dah habis ke, sabun basuh dah habis ke. Kalau setakat nak beli pakaian ni, tak adelah. Macam baju, mungkin kita nak beli baju jalanlah. Baju nak buat pergi kerja, gitu lah. Kalau baju sukan ni kita dah ada dah. Kita dapat “sponsor” [tajaan] apa semua kan.

FAA: Bagaimanakah hubungan encik, antara encik dengan jurulatih.

NM: Hubungan jurulatih ni kita ingat macam ayah dengan anaklah. “So” [jadi] kita kena “close” [rapat] dengan jurulatih. Memang kita kena “close” [rapat]. Dan masa tu kita kena tanya jugak, “exercise” [latihan] yang dia bagi kat kita ni sebenarnya untuk apa. Apa yang.. kenapa saya perlu buat. “So” [jadi], sebab supaya kita tahu, supaya kita boleh, maknanya macam kita boleh “transfer” [pindah], bila kita buat tu, ohh, benda ni untuk ni. “So” [jadi] kita rasa senanglah nak buat. Macam contoh kita buat lari naik bukit, kenapa kita kena “speed” [pecut] lari naik bukit. Mungkin dia nak “develop” [bangunkan] kita punya kekuatan otot. Pastu supaya kita dapat “drive” [pandu], maknanya bila kita keluar blok, kenapa bila kita keluar blok. Bila dia suruh saya buat snatch, kenapa saya perlu buat snatch. Kena angkat berat-berat. Ini nak gunakan masa saya keluar blok tu. Nak angkat tangan, nak “swing”

[hayun] nak keluar blok tu. Nak jadi kita punya explosive cepat. Kenapa saya kena buat “arm squad”, “two squad”, “box jump”. Mungkin saya nak tolakan daripada blok tu nak “power” [berkuasa], nak “movement” [pergerakan] tu “power” [berkuasa], “strength” [keupayaan].

FAA: Sepanjang encik dalam bidang sukan ni, apakah halangan yang pernah encik hadapi.

NM: Halangan dia erm.. dari segi persediaan lah. Bila kita “injured” [cedera] tu maknanya kita kena berehat lah. Saya ada pada tahun 2000 lah. Saya ingat SUKMA, saya “injured” [cedera] teruklah. “So”, [Jadi] saya jumpa “coach” [jurulatih] saya, saya cakap “coach” [jurulatih] saya, saya “injured” [cedera]. “coach” [jurulatih] saya macam bengang lah dengan saya. “coach” [jurulatih] Rusia. Dia cakap, “you” [awak] tak kan menang pingat emas.

FAA: Masa tu tahun berapa encik?

NM: Masa tu tahun 2000. SUKMA di Pulau Pinang. Saya “injured” [cedera] teruk. Saya buat “treatment” [rawatan], pastu saya jogging “slow-slow” [perlahan-lahan]. Saya tak boleh buat “speed” [pecutan]. Saya bagi surat “health” [kesihatan] saya. Surat yang doktor bagi kat saya. Dia marah. Mungkin sebab dia rasa macam “frust” [kecewa] saya tak boleh nak lari. Lepas tu dia kata, awak tak kan menang 100 meter dekat SUKMA. “So” [Jadi] saya cakap, “coach” [jurulatih], saya akan menang pingat emas 100 meter. Masa tu saya memang rasa tercabarlah. Saya buat “exercise” [latihan], saya buat sendiri. Masa tu saya memang

rasa tercabar. Kita janji dengan dia, lepas tu kita tak menang. Saya cuba buktikan dan Alhamdulillah, SUKMA di Pulau Pinang saya menang. Saya buat 10.75, saya kalahkan budak-budak yang tak “injured” [cedera]. Saya jumpa dia, saya cakap, “coach” [jurulatih]! Dia pandang saya. Saya rasa macam, bukan saya nak berlagak atau apa, saya tahu dia “coach” [jurulatih] saya. Kita cakap elok dengan dia, saya cakap saya “injured” [cedera], sekurang-kurangnya di bagi saya “exercise” [berlatih] supaya saya dapat buat. Tapi dia macam ni, sebab tu saya buktikan. Tapi saya memang “injured” [cedera] teruk. Untuk 200 meter saya terpaksa tarik diri sebab “injured” [cedera]. Sebab waktu lari 100 meter tu pun, saya dah pakai guard untuk tak bagi dia teruk.

FAA: Seorang talet biasanya mengamalkan diet pemakanannya yang tersendiri bagi membantu menjaga dan mningkatkan stamina. Bagaimana pula dengan encik?

NM: ‘Erm’.. saya..dari segi “supplement” [penambahan] tu ada. Macam ada yang dibekalkan oleh Majlis Sukan Negara tu kita akan makanlah. Macam Kalsium, Magnesium, Phamathon, itu memang MSN ada sediakan semualah. Lepas tu, macam diet tu, saya tak diet sangat, sebab kita “training” [berlatih] teruk, pastu kita bukan nak berdiet lagi. Kita makan, makanlah. Dari segi “supplement” [penambahan] tu kalau tak cukup kita ambik lah. Kalau dah lebih, buat ape lagi nak ambik protein kan. Macam tu lah. Saya punya prinsip macam tu lah. “So” [jadi] kita punya “time” [masa] makan tak ada nak “control” [kawal] apa semua. Cuma saya akan “control” [kawal] dua minggu sebelum

“game” [perlawanan] lah. Kurangkan minyak, kurangkan lemak-lemak, apa semua. Makan pun kita “control” [kawal] sikit supaya kita punya berat badan tu “mantain” [kekal]. Tapi kalau esok tu kita dah nak kena buat teruk kan, bukannya kita nak diet. Balik kita nak makan roti, sayur, mana kita nak dapat “energy” [tenaga] untuk kita nak guna balik esok kan.

FAA: Kalau makanan yang biasa encik cuba elakkan?

NM: Biasanya yang berminyak dan berlemak lah. Tapi ada setengah orang itu yang dia suka. Tak. Tapi bagi saya tak ada yang “specific” [khusus] yang kata atlet nak kena makan ni, makan ni. Tak, boleh makan, tapi dalam kuantiti yang sedikit sebenarnya. Tapi mungkin bagi saya, diet ni tertumpu pada sukan-sukan macam gimnastik, bina badan, acara-acara yang memang tak boleh ambil minyak. Kena makan makanan khas. Dan macam saya buat apa nak diet kan.

FAA: Kenangan yang paling encik tak dapat lupakan sepanjang bergiat dalam sukan ni?

NM: Masa saya memenangi pingat emas lah di Sukan Sea 2003. Pada waktu itu, stadium penuh. Stadium di Hanoi pada masa tu. Pada waktu tu, masa saya berada di “starting block” [blok mula], masa tu tengah nak “warm up” [panaskan badan], nak buka seluar untuk lari, kita nak berkayuh-kayuh sikit, nak berlari, pada masa tu saya boleh tengok rakyat Vietnam berjalan masuk ke stadium macam semut. Bila saya pusing kiri kanan kan, penuh stadium sebab kebetulan pada masa tu, ada pelari dari negara mereka masuk “final” [akhir] seorang. Memang

penuh. “So” [jadi] macam mana kita dekat tempat orang, kita nak “adapt” [menyesuaikan]. Saya melakar sejarah di bumi Vietnam dipenuhi dengan penyokong. Dan tidak disangka saya menang pada waktu tu, Sieh Kok Chi ada, Menteri MOM, Tunku Imran pun ada pada masa tu. Maknanya, masa tu orang besar-besar ada melihat. Malaysia pada masa tu, apabila melihat saya, merubah persepsi rakyat Malaysia bahawa atlet Malaysia ini kita tak ada yang boleh memenangi pingat emas. Saya cuba nak tukar persepsi kebanyakan rakyat Malaysia pada masa itu.

FAA: Bolehkah encik bercerita sedikit kejohanan-kejohanan yang pernah encik sertai sebelum sukan Sea tersebut ?

NM: Oh.. Kejohanan sebelum sukan Sea tu sebenarnya banyak, saya pergi ke Kejohanan World Universities Games, dimana kat situ saya buat catatan 10.38 dalam acara 100 meter. Lepas tu saya pergi Sri Lanka Open saya dapat pingat gangsa untuk 100 meter, lepas tu saya pergi Track and Field saya dapat melayakkan diri ke separuh akhir dalam 100 meter, saya buat 10.57, pastu saya pergi ke Terbuka Chinese, Taipei, lepas tu, Terbuka Singapore, Terbuka Philipine, dan banyaklah. Dan sukan-sukan yang, kejohanan-kejohan besar yang saya pernah sepanjang penglibatan saya, saya pernah pergi ke Sukan Olimpik, Sukan Komanwel tahun 1998, Sukan Asia di Korea, sukan Asia Track and Field di Sri Lanka dan di Filipina. Erm.. YU Games, Asean University Games, pastu Sukan Sea saya. Saya bermula di Sukan Sea pada tahun 1999 di Brunei, pada waktu saya umur 18. Saya lari 4 kali 4, saya dengan Romzi Bakar, Amir Adam, S. Vasu dan kami

dapat nombor 2. Pastu, 2001, Sukan Sea di Kuala Lumpur, dan 2003 lah di Vietnam. Lepas tu Asean School ni saya “start” [mula] pada tahun 1997, 1998, 1999 lah. Dan Asean Junior pada tahun 1997 dan 1999 lah.

FAA: Okay, seingat-ingat enciklah, kejohanan pertama yang encik sertai adalah pada tahun berapa dan dalam acara apa?

NM: Oh.. untuk dalam acara pecut lah. Untuk acara pecut ni, kalau betul-betul, 100 meter Terbuka Selangor pada tahun 1997. Kalau 400 meter, banyak lah, yang MSSN. Tapi kalau untuk 100 meter yang betul-betul saya sendiri yang saya buat di Terbuka Selangor tu lah.

AFF: Pada tahun 1997?

NM: Ya.. Tahun 1997.

FAA: Masa tu, pencapaian encik?

NM: Saya buat 10.9 saat dan saya kalahkan atlet-atlet pecut yang berada di bawah Program Bakat Khas la. Memenangi pingat emas.

FAA: Baiklah encik. Untuk bahagian dua iaitu penglibatan awal dalam sukan olahraga kita dah selesai. Seterusnya kita akan ke bahagian tiga iaitu kejayaan encik di Sukan Sea ke 22 di Hanoi pada tahun 2003.

Pada tahun berapakah encik mula mewakili Negara dalam acara pecut ini?

NM: Untuk acara pecut ini, saya betul-betul la..betul-betul saya berlatih 100% dalam bulan 10, bulan 9 ke bulan 10 macam tu lah. Tahun 1997. Saya

betul-betul bertukar kepada acara pecut sebab sebelum ini macam saya cakap tadilah saya dari acara pecut 400 meter berpagar, 100 meter berpagar dan 400 meter kan. “So” [jadi] “start” [bermula] pada masa itulah betul-betul “training” [berlatih] untuk 100 meter lah. Pada penghujung 1997 sampai saya bersara lah.

FAA: Masa tu, dalam kejohanan?

NM: Untuk kejohanan “first” [pertama] saya untuk acara pecut ni, selepas saya betul-betul “training” [berlatih] tu kalau tak silap saya pada masa itu Terbuka Kuala Lumpur. Terbuka Kuala Lumpur pada tahun 2000 saya mencatat 10.6 saat. Catatan tangan lah. Catatan tangan 10 .6 pada waktu itu. Sebelum itu saya buat 10.8 saat catatan tangan, lepas tu saya buat 10.6. saya ingat saya cukur rambut, botakkan. Saya botakkan rambut saya. Saya nazar. Saya kata saya nazar kalau saya buat terbaik dalam kejohanan ni saya akan cukur rambut.pastu saya buat 10.6, saya cukur rambut lah.

FAA: Boleh tak encik ceritakan perjalanan encik secara ringkas sehingga encik terpilih untuk mewakili negara?

NM: Emm. Untuk mewakili negara dalam acara pecut ini sebenarnya saya pergi sesi pemilihan di Asean School. Sekolah-sekolah Asian. Disitu saya menang dan disitulah bermulanya orang kenal bahawa ada atlet baru lah dalam acara pecutlah. Dan agak bisinglah kita ada, oh kita ada, budak mana, budak mana ni. Macam tu lah. Sebab pada waktu itu kita memang ada senior saya, Mahari Sulaiman. Pada masa itu saya member impak yang begitu tinggi kepada negeri Terengganu pada

masa itu. Di mana kalau tak silap saya, saya merupakan atlet pertama Terengganu lah yang memenangi pingat emas di SUKMA dalam acara pecut lah. Sebelum ini kita memang tak ada. Saya menang MSSN, saya menang SUKMA, Terbuka Malaysia apa semua kan. So (jadi) pada waktu itu saya member impak yang begitu tinggi kepada negeri Terengganu. Selepas saya itulah, negeri Terengganu melahirkan ramai atlet-atlet pecut seperti Zabidi Ghazali, Zabidi Ahmad, Azrul. Amar. Kalau tak silap saya, Terengganu selepas era saya menang pingat emas di SUKMA di bawah kategori 21, saya menang pada waktu itu tahun 2000, lepas 2002, 2003, 2004 tu kita sudah ada wakil, tapi kita tak dapat nombor. 2006 kita dapat nombor 3, pada waktu itu Zabidi Ghazali dapat nombor 3. Dan dalam masa yang sama Terengganu menjadi tuan rumah pada tahun 2008, Zabidi Ghazali menang pingat emas. Lepas tu pada tahun 2010 kita ada wakil final (akhir). 2012 dapat balik oleh Amar, pingat emas. So (jadi) Terengganu pada waktu itu sentiasa melahirkan atlet-atlet pecut. Pembangunan olahraga pada masa itu memang meningkat lah. Saya gembiralah saya dapat memberi impak yang begitu tinggi kepada kerja sukan di Terengganu dan seterusnya rakyat Malaysia lah.

FAA: Encik, Sukan Sea yang pertama yang encik sertai?

NM: Sukan Sea pertama saya Sukan Sea di Brunei. Pada waktu itu saya bergandingan dengan Romzi Bakar, Amir Adam dan S. Vasu untu acara 4 kali 4. Saya dapat pingat perak pada waktu itu.

FAA: Seterusnya adalah mengenai Sukan Sea 2003. Pada Sukan Sea 2003, pada ketika itu, acara yang encik sertai adalah?

NM: Pada Sukan Sea 2003 itu, saya hanya fokuskan 100 dan 200 meter sahaja. 100, 200 dimana saya pada peringkat awal tu saringan itu, saya rasa macam begitu tenang lah. Saya dapat mengatasi peringkat saringan, ke “final” [akhir], dan “final” [akhir] itu, biasa macam yang apa orang kata macam “grand” [utama]. “So” [jadi] memang orang nak tengok lah. “So” [Jadi] Alhamdulillah lah saya menang pingat emas.

FAA : Siapakah lagi yang mengiringi encik ke kejohanan tersebut?

NM : Oh. Untuk kejohanan itu kita pergi “as a team” [sebagai satu kumpulan] lah. Kita pergi “team” [kumpulan]. Satu “team” [kumpulan]. Macam sukan olahraga itu ramai. Pada waktu olahraga tu ada Shahrul Amri, Mohammad Hazwan, Roslinda Samsu, Noraseela Khalid, Zaiful Zainal Abidin, Malik Tobias, Zulkardi, “Om Tim Kuik”. Pada masa itu, sen--- jun--- senior tak silap saya yang paling veteran kalau tak silap saya “Om Tim Kuik” lah. Kalau tak silap saya pada waktu itu. “Om Tim Kuik” baling tukul besi. Aaa.. Aaa.. ramai lagilah. Aaa.. yang saya ingat tu.. aaa.. Siti Shahidah.. Shahrul Haizi.. ramailah. Pada waktu saya.. pada waktu saya menang pingat emas tu, yang meter tu, orang tak jangka tau. “So” [jadi] tak ada bendera. Bendera. Biasanya, kalau kita jangka ni, dia akan “standby” [sediakan] bendera tau untuk bagi. “So” [jadi] masa tu saya tak ada, kebetulan pada masa tu ada abang daripada MSN [Majlis Sukan Negara]. “Photographer”. [Jurugambar]. Pada waktu itu, saya cari bendera tak ada. Tak ada.

Lepas tu, kebetulan abang tu, dia bukak, pecat, dia cakap, Mizan. Dia panggil saya. Saya ingat. Saya simpan sekarang bendera itu. Ada. Saya simpan lagi bendera itu. Saya ingat. Insha Allah saya akan _ situ. (Ketawa). Ada. Ada. Saya simpan sekarang.

FAA: Okay. (Baiklah). Perasaan encik sebelum kejohanan tersebut?

NM: Oh. Pada Sukan Sea 2003 itu? Oh. Saya tenang. Terlalu amat-amat tenang sangat-sangat. Sebab saya masa itu, saya memang fokus betul-betul, saya sentiasa buat “visualisation” [gambaran], saya solat hajat, saya sentiasa minta, saya.. sebelum pergi saya minta cik--- mak ayah saya doakan saya, cikgu-cikgu saya doakan, kawan-kawan semua. Masa pun saya, saya borak dengan kawan, saya mesej dengan aa.. kawan saya. Abanglah. Kira-kira pangkat abanglah. Nama dia abang.. saya panggil dia Abang Bob. Abang Bob. Lepas tu, dia dulu bekas pesilat kebangsaan lah. So [jadi] saya panggil, Bob, saya nak pergi ni bang, Sukan Sea. So [Jadi] dia kata.. Aaa.. Abang doakan semua nil ah. Saya pada waktu saya berbalas mesej dengan dia tu saya dapat menitikkan air mata. Aaa.. saya rasa macam.. saya rasa macam ada sesuatu yang.. macam.. macam saya cakap, kita tak boleh nak.. nak ceritakan. Dekat sana pun.. pada waktu itu saya selalu mendengar lagu Too Phat. Too Phat dengan Yasin, Alhamdulillah. Aa.. saya terlalu tenang pada waktu itu. Dan masa kita pergi warm up [panaskan badan] ke, lagu tu yang sentiasa bermain dekat telinga ini. Sebelum tidur, masa saya warm up [panaskan badan], masa saya tunggu nak dipanggil, masa saya rehat, lagu itu lah. Too Phat, Alhamdulillah. Saya memang terasa tenang sangat-sangatlah.

TAMAT RAKAMAN 1

RAKAMAN 2

FAA: Emm. Okay-Okay [Baiklah-baiklah]. ‘Erm’, sebelum menyertai kejohanan tersebut adakah encik mengamalkan apa-apa petua atau tips

NM: Petua nak kata petua tu kita sebagai mungkin kita orang Islam kan saya solat hajatlah mohon dengan tuhan lepas tu. ‘Erm’ saya jaga pemakanan saya tidur awal saya berehat, latihan latihan berterusan lah bersistematik tulah.

FAA: ‘Okay’ [Baiklah] ‘Erm’, persiapan encik sebelum kejohanan tersebut?

NM: Persiapan tu...latihan macam biasa fokus dan “develop” [bina] keyakinan dirilah, saya sentiasa berbilang dengan “coach” [jurulatih] lah. “So” [Jadi], kadang-kadang saya cakap “coach” [jurulatih] saya punya permulaan “start” [mula] tu ‘erm’ lambat sikitkan “so” [jadi] ianya tak ada, tak ada masalah ‘erm’ “coach” [jurulatih] saya berikan satu jawapan yang saya rasa- kita rasa “confident” [yakin] ‘erm’, dia kata “hundred” [seratus] meter bukan ditentukan melalui “start” [mula] kedudukan ‘erm’ penamat. Kalau “you” [awak] sampai dulu “you” [awak] menang, walaupun you “start” [mula] bagus “you” [awak] sampai lambat pun “you” [awak] tak kan menang, “so” [jadi] bila jawapan dia macam tu, kita rasa macam ohh ok...- maknanya satu jawapan yang positiflah bagi kita kan, kalau macam sesuatu macam kita, ah “that means” [ini bermaksud] ohh “you will start” [awak akan bermula]....kita pun akan terfikir-fikir kan, “so” [jadi] bila dia cakap macam tu ohh, kita pun ok. “you go straight and go finishing but your finishing” [awak pergi terus dan pergi ke penamat tapi penamat awak]

bagus, - “so” [jadi] ok dia ada pro “and” [dan] kontra dia walaupun kita “start” [mula] tak bagus tapi kita punya ‘erm’ kita punya bagus kita “finishing” [penamat] kita bagus so kita fokus kat situ.

FAA: ‘Erm’- sebelum encik menyertai kejohanan tersebut ‘erm’ encik memperuntukkan jangka masa rehat tertentu tak?

NM: Emm...rehat tu yang diberi oleh “coach” [jurulatih] je..aa yang macam kita macam contoh macam hari Ahad takde kan aaa macam itulah kita kena rehat dan mungkin waktu pagi saya macam pergi kuliah nak tu rehat aaa... tu yang kita rehat, malam pulak. Waktu latihan kita tak leh nak “skip” [tinggal] lah, kalau dem--- kecuali demam atau injured ah kita akan rehat itupun kita pergi jugak “training” [latihan] ada latihan yang kita buat.

FAA: Persediaan encik, ‘erm’ maknanya team Malaysia untuk ke Sukan SEA.

NM: Ohh “team” [pasukan] Malaysia. Ohh “team” [pasukan] Malaysia pada waktu itu kita akan masuk kem. Kem tu sebenarnya untuk membina semangat kesukanan sebenarnya. “I mean” [maksud saya] semangat kesukanan dan ada kat situ ‘err’ diberi- macam apa orang kata kritikan motivasi ah. Membangkitkan semangat untuk kita pergi sana lah, biasanya kita akan berkumpul ramai-ramai, kita akan menyanyi lagu patriotik, kita akan buat “game” [permainan], kita akan buat adalah acara kita buat. Maknanya disitu memang “lastly” [akhirnya] memang untuk perisapan mental dan persiapan mental lah.

FAA: ‘Emm’, Maknanya latihan- latihan fizikal tak ada?

NM: Latihan fizikal tu yang latihan yang kita buat hari-hari tu tak ada, tapi benda yang dimaksudkan ini tambahan kepada motivasi kita ada buat solat hajat ramai-ramai, macam itulah maknanya dia pengisian kerohanian.

FAA: ‘Emm’, Pada kejohanan tersebut siapakah lagi rakan senegara yang turut menyertai acara ini.

NM: Pada 2003 tu, hanya saya wakil tunggal “hundred” [seratus] meter. ‘Aaa’, “so” [jadi] tu yang saya rasa macam- bertuah sebab wakil tunggal dan menyertai memenangi dua pingat emas.

FAA: Jadi rakan-rakan yang biasanya bersama encik masa tu.

NM: ‘Erm’, yang pergi ada tapi acara lainlah. (suara Farisa menyebut acara lain) asas-asas pintu pagar kita ada Robbani Hassan, Wan Mohd Faiz 400 meter, Zaiful, 400 meter pagar pada waktu itu kita ada Shahadan dan lepas tu lompat tinggi kita Lu Kam Ji dengan Mohd..aa.. Mohd Ahmad Najwa Akram, macam itulah.

FAA: Emm...Ok, emm...dalam acara, dua acara ini siapakah pesaing yang paling encik geruni?

NM: Emm... Geruni tu biasanya...biasanya kita biasanya “expectacy” [jangkaan] kita akan letakkan Thailand lah (suara Farisa menyebut Thailand), sebab sebab apa Thailand sebab sejarah sukan SEA ni memang Thailand mendominasi kan acara reben biru ni. So tapi saya pada masa itu saya memang akan sebab saya memang dah fokus

memang nak kan menang dua pingat emas dan saya akan cuba untuk hapuskan keegoan Thailand ini, “so” [jadi] saya terdetik pada tahun dua ribu--- sembilan puluh sembilan lagi (99) dimana Thailand menang di Sukan SEA Brunei dengan gaya tu saya kata pun saya kata suatu hari nanti saya akan calarkan ego nielah--- pelari-pelari Thailand lah. “So”, itu memang prestasi memang akan letak Thailand “first” [pertama] lah, biasanya Thailand “first” [pertama] lah sebab Thailand dua “runner” [pelari] masa final. “So” [jadi], tak ada masalah. “So” [jadi] berbekalkan fokus, aspirasi, solat hajat enam, dan saya rasa ketenangan dan “visualization” [gambaran] yang saya buat tu yang membantu saya untuk saya menang lah.

FAA: Encik masih ingat lagi pesaing negara Thailand tu siapa?

NM: ‘Erm’, “Sikinchai Phostrafit”- Skinchai- Skinchai-haa...Sikinchai.(suara Farisa menyebut Skinchai). Haa... sebab dia ni saya kira kawanlah saya kenal dia daripada SN School lagi, SN School, SN Junior apa, kami naik sama, masa saya pergi sukan SEA di Brunei pun dia ada, saya pergi sukan kat KL pun dia ada “so” [jadi] semua saya dah kenal lama ah. “So” [jadi] kita kat track musuh tapi kat luar kita “friend” [kawan] (suara Farisa menyebut friend). ‘Aaa’- “friend” [kawan] (bunyi tepuk tangan).

FA: Jauh tak beza antara encik dengan dia?

NM: ‘Aaa’, Secara tak salah saya perbezaan umur saya dengan dia mungkin “certainly” [pasti] (bunyi suara batuk) dua tahun. (suara Farisa

menyebut dua tahun.) kalau tak salah saya dua tahun lah (bunyi suara batuk).

FAA: Dia dua tahun lebih tua?

NM: 'Ahh' kalau tak silap sayalah, macam tu lah.

FAA: Pada masa itu umur encik berapa?

NM: 'Emm', pada sukan SEA (Bunyi suara batuk) Vietnam dulu dua puluh satu, (suara Farisa menyebut dua puluh satu) 'aa', kalau tak silap saya dia dua puluh--- 'ehh' Dua puluh dua, dua puluh dua saya dua puluh dua, dia dua puluh tiga, ataupun dua puluh empat macam tulah saya pun tak pastilah.

FAA: "Okay", maknanya hubungan encik erm-

NM: 'Erm', kat trek, kat trek kita biasalah kat trek kita "as a" [sebagai seorang] bukan musuh kita "as" [sebagai] nak pesaing sihat, pesaingan sihat, "so" [jadi] bila kita kat luar kita "friend" [kawan] makan kat "camp village" [perkampungan kem] apa semua, biasa sembang biasa "so" [jadi] bila kat trek persepsi kita ubahlah. Macam, contoh macam saya kat rumah sebagai ayah "so" [jadi] saya dengan anak macam biasa sebelum saya pergi ke kerja cara saya dengan staff tak macam dengan anak berbeza macam tulah.

FAA: Erm, semasa encik bersama dengan macam dengan pesaing-pesaing encik ni, biasanya ada tak encik berkongsi apa-apa.

NM: Emm...Sebenarnya kita, kita, kita berkongsi dari segi macam mana Thailand, Thailand atlit bertanya macam mana diorang boleh “develop” [bina] team bagus macam ni, macam mana setiap tahun diorang hantar “team” [pasukan], “team” [pasukan] budak-budak baru, budak-budak muka-muka baru, “so” [jadi] kita, kita berkongsi pengalaman macam mana dari segi latihan corak latihan “so” [jadi] sekarang pun kita sekarang negara canggih dengan benda-benda facebook “so add” [jadi tambah] lah kawan-kawan lama, tulis aja lah keluarlah nama diorang, “add” [tambah] lah.

FAA: Masa, sebelum itu kan encik masih belum memenangi acara ini, masa tu, macam mana encik melihat prestasi mereka?

NM: Sebenarnya saya melihat prestasi tu memang sebab saya katakan tu “Sikinchai” sebab prestasi dia sebelum-sebelum sukan SEA itu dia mencatat 10.2 dan 200meter dia pun 20.7 lebih pada dia buat pada kejohanan Asia Track and Field dan terbuka dan kejohanan pemilihan Thailand punya pemilihan untuk ke sukan SEA, pada masa itu, sebab itu kita meletakkan Thailand calon untuk memenangi pingat emas di sukan SEA pada ketika, tapi saya beranggapan saya tidak tau masa itu juga, memban--- bukan membantu adalah meletakkan dia sebagai “top-seeded” [pilihan utama] tapi apa-apa pun penentuan semasa hari- game tu dan penamat bagi saya, maknanya kita lari keluar blok tu maknanya tengah tu tak habis, habis “finishing” [penamat] tu baru kita tahu siapa menang. ‘Ha’ maknanya “time” [masa] tu saya tak tu, saya mempositifkan diri saya.

FAA: Maknanya, kira masa tu encik kira untuk menamatkan kemarau tu kan macam lama, adakah encik- lepas tu encik pula adalah sorang sahaja wakil tunggal Malaysia untuk dua acara ini, adakah encik mengalami sebarang tekanan?

NM: Tekanan pada waktu itu memang tak, tak, tak ada sebab pada waktu itu saya rasa macam tenang sangat. Saya tenang sebab saya dah, dah im--- dah buat apa visual saya berada di Bandar Hanoi di trek dia dengan “warm-up” [panaskan badan], macam mana saya berada di setting block, macam mana saya keluar blok, kita “start” [mula] dari permulaan daripada “finishing” [penamat] macam mana, macam mana dengan keadaan crowd [orang ramai] pada masa itu... saya dah...dah “imagine” [bayangkan] saya berada kat sana dan saya pun sebenarnya saya, saya memang rasa macam rasa tak da apa-apalah, saya eh macam, macam “you” dah...dah tau pasal kita, ohh... ok haritu saya dah datang sini, saya eh saya rasa saya macam dah buat benda ni... macam tu.

FAA: “Okay”, [Baiklah] Siapakah yang paling banyak memberi sokongan dan dorongan encik pada kejohanan ini.

NM: Tak dinafikan lah mak ayah yang selalu doakan lah, mak ayah, orang tua kan, “so” [jadi]...cikgulah, cikgu Nuar, cikgu shahidan tak putus-putus nak melihat saya berjaya ah. (Suara Farisa menyebut cikgu.) Cikgu Roslan dengan Cikgu Sharifah lah... “tournament” [kejohanan] dalam Malaysia ke luar Malaysia ke saya akan “call” [telefon] mak ayah saya bagitau saya ada “tournament” [kejohanan] ni so minta doa,

kalau sampai ke “oversea” [luar negara] pun saya akan telefon, cikgu saya.

FAA: Ketika kejohanan tersebut, fokus encik macam mana?

NM: Fokus memang seratus peratus lah, memang- selagi tak habis kejohanan tu tak habis tu memang fokus kita tetap ni lah, samalah... fokus sama... lebih, lebih makanan, pergi rehat kena jaga... makanan kena jaga kan, kalau kita pergi sana “oversea” [luar negara] sana tu dengan makanan ish kita tidak pernah makan, ish sedap... makan... naik mendadak berat, “so” [jadi] rehat... serupa kita ni tak pernah pergi ohh, nak pergi jalan lah... pergi sana, so elemen-elemen ni yang kita nak kena jaga, kadang-kadang atlit-atlit baru dia tak, nak tau oh sampai oversea nak pergi sana pergi sini ambil gambar apa semua. Tak selagi kita tak habis kejohanan kita, kita jangan buat macam tu, kita rehat cukup, pergi “warm up” [panaskan badan], balik rehat kat bilik apa semua, bila kita ada masa kita pergi, sebab kita kena ingat kita pergi ke kejohanan tu adalah bukan untuk kita pergi nak ambil gambar apa, kita pergi untuk “competition” [pertandingan], kalau kita ada masa berpeluang kita ambil.

FAA: Disaat encik berada di “starting” [mula] blok tu, perasan encik pada masa tu?

NM: Perasan tu, macam saya cakap, tenang.

FAA: Tenang, maknanya?

NM: Maknanya saya macam- saya sebelum tu saya baca doa, saya--- petua-cikgu-cikgu bagi lepas tu ada ustaz-ustaz bagi kat saya--- baca ayat kerusi so saya baca ayat kerusi, kalau tengok, kalau tengok saya punya tape atau video. Saya ada--- macam mulut saya tu- macam tu saya baca doa lah, saya baca ayat kursi tiga kali berselawat. Lepas tu saya ni lah- sebenarnya macam ni sebenarnya. Saya atlit saya tak rasa apa tau, orang yang tengok tu dia rasa dub...dub...(berdebar) aaa.... sama juga bila saya tengok macam awak serupa nak lari saya pulak rasa pulak rasa ish...dub...dub....(berdebar) sebab kita terfikir eh... boleh menang tak awak. Bila saya kat, kat trek saya tak da.

FAA: Masa sepanjang larian dia sepuluh saat sahaja kan, maknanya pendek ja.

Macam mana encik nak mengekalkan larian encik itu?

NM: Dia sebenarnya tu, dari segi permulaan tu, sebab tu fasa dia sambung terus, daripada kosong hingga tiga puluh meter tu dia adalah fasa “drive” [pandu]. Buat masa keluar blok tu dia sebenarnya fasa “drive” [pandu] ni kosong, kalau kita pergi lagi jauh lagi bagus maknanya kita “drive’ [pandu] tolak tu maknanya macam kita naik bukit “and” [dan] lalu bukit “so” [jadi] kita mesti guna tolakkan yang “full extention” [lanjutan penuh] tau pasal kita nak tolak ke atas... lepas tu efisien aa tu tu tangan kaki bagi lagi ke dapat _ , “aa” tu frekuensi tu yang kita panggil frekuensi analisis... so kita “mantain” [kekal] lah ahh, kita minta jangan, jangan, jangan kelam kabut ‘aah’, maknanya dari segi

apa kordinasi antara kaki dan tangan tu nak kena betul lah, jangan kita nanti-

FAA: Disaat memenangi, disaat memenangi acara pecut tersebut apakah perasaan encik?

NM: Perasaan tu memang terlalu gembira tu la, kita “confirm” [pasti] kita gembira kan kita dapat pingat emas sebab kalau dikira saya pun tak tau saya dapat menamatkan penantian negara selama tiga puluh enam tahun, sebab memang susah sebab memang kita lama kita tak dapat pingat emas tu. aa memang... orang kata memang susah la sebab lepas saya menang tahun dua ribu tiga sampai sekarang takda lagi budak menang. aa so memang aa benda ni bagi saya macam “luck” [nasib] juga la “luck” [nasib] lepas tu macam mana “you prepare” [awak bersedia] untuk “you” [awak] dapatkan pingat emas tu aa...tu aa... sebab macam, macam, macam kita nak menang pingat emas, orang lain pun datang kat situ semua nak ambil pingat emas “so” jadi kita pun nak ambil pingat emas so sama-sama aa sama yang paling penting mental. Tapi nak kata mental pun tak juga sebab orang bila orang kat situ “hundred meter final” [akhir 100 meter] apa semua mental memang “strong” [kuat] apa semua. ‘Aa’, cuma “luck” [nasib] aa... elemen “luck” [nasib] tu saya rasa mungkin letak juga sikit tu...aa...macam tu la...

FAA: Memenangi dua pingat emas dalam dua acara olahraga sukan SEA tersebut seterusnya digelar sebagai raja pecut asia, bolehkah encik berkongsi dengan kami apakah perasaan encik pada saat itu?

NM: Sebenarnya.... Saya sebenarnya macam dalam bidang sukan tu kita rasa macam apa _ tapi bila kehidupan saya sebagai orang luar tu rasa macam biasalah lepas habis “tournament” [kejohanan] tu habislah takda apalah. Masa “game” [permainan] tulah kita macam mana kita nak meraikannya...aaa.. habis kat situ biarlah... aa.. kita punya ni maknanya saya punya stail habis tu, habislah. Maknanya kat luar orang yang maknanya orang panggil lah orang yang panggil aa raja pecut asia tenggara lah apa tu, tu gelaran yang orang bagi tapi bagi kita pembawakan diri kat luar apa semua biasalah “as a” [sebagai seorang] normal macam manusia biasa lah. Cuma kelebihan yang Tuhan bagi kat kita dapat lari laju macam tu jelah, itu pun kita kena “training” [berlatih] kuatlah.

FAA: Masa selepas encik menang di stadium tersebut, keadaan disitu macam mana?

NM: Ohh...keadaan kat situ memang penuh la, stadium masih penuh cuma waktu kontinjen Malaysia masa tu memang kita terima apa semua seronok ahh, gembira seronoklah, sebab kita rasa macam ohh satu...apa orang kata satu fenomena baru lah kepada--- Malaysia menang pingat emas lah...masa tu waktu saya ingat...seingat saya sejak saya menang pingat emas 7 Disember, paper cover saya sampai 28 Disember, daripada tujuh Disember, “everyday” [setiap hari] ada

“story” [cerita] saya sampai dua puluh lapan Disember, lepas tu ada selang seli selang seli ah. Maksudnya “everyday” [setiap hari] ada “story” [cerita] story saya, maksudnya hari-hari ada “story” [cerita] saya.

FAA: Bagaimana dengan negeri negara-negara, negara pesaing tu?

NM: Emm... negara pesaing tu ada yang ucap “congratulation” [tahniah] lah.. “congratulation” [tahniah] dan ada yang ambil gambar apa semua, itu biasalah kat situ kita, tapi selalunya... bagi saya lepas “game” [permainan] saya “back” [kembali] ke manusia biasa normal. Kita punya “life” [kehidupan] pun biasa-biasalah.

FAA: Individu yang paling mempengaruhi encik sehingga membawa kejayaan ini?

NM: Individu yang mempengaruhi saya iaitu cikgu sayalah, Cikgu Roslan dengan Cikgu Syarifah. Sebab dia memang memberi sokongan yang orang kata sebab ialah macam even dah macam mak dan ayah angkat saya lah memang sentiasa mengikuti perkembangan saya lah. “Confirm” [pasti] lah ketika mak ayah memang kita tak nafikan lah mak ayah sentiasa doa untuk saya kan, sentiasa ikut perkembangan saya lah. Macam orang-orang kampung pun saya rasa saya balik pun sentiasa tanya perkembangan kawan-kawan kan tapi sebelumnya... sebelumnya tnpa kita sedari sebelumnya, macam saya bila saya balik ke kampung sebenarnya, sebenarnya kita is it oh sebenarnya orang-orang kampung ni dia sebenarnya sentiasa ikuti saya tengok kalau saya “tournament” [kejohanan] ikutlah kalau kadang macam saya sekarang saya dah bersara balik ish tak lari aa.. macam tu so saya aa...takda

takda, saya dah bersara... so sekarang buat apa, jadi coaching [membimbing] macam tu jelah

FAA: Selain daripada itu bolehkah encik berkongsi faktor-faktor lain yang membawa kepada kejayaan?

